



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**04 JULAI 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **228 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **70,457 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 120 menjadikan jumlah kumulatif 67,877 orang. Seramai 1,769 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 398 orang di hospital, 1,163 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 208 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 56 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan bertukar dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga sifar (0) daerah
- Zon Kuning lapan (8) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah 228 kes iaitu penurunan 94 kes berbanding 322 kes semalam (03 Julai 2021).

Bilangan kes positif COVID-19 ini diperolehi melalui saringan berikut:

- 84 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- Tujuh (7) kes adalah daripada Saringan Kluster
- 13 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- 115 kes daripada Saringan Bersasar
- Sembilan (9) kes adalah daripada Saringan Lain-lain kes.

**ii. Kedudukan berdasarkan daerah dan perbandingan kes semalam****a. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes**

**Lima (5)** daerah yang mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam (03 Julai 2021) iaitu:

- Kota Kinabalu 120 kes, peningkatan (+48) kes
- Putatan 19 kes, peningkatan (+15) kes
- Kunak sembilan (9) kes, peningkatan (+9) kes
- Kalabakan tiga (3) kes, peningkatan (+2) kes
- Kota Belud 12 kes, peningkatan (+1) kes

**b. Daerah yang kekal catatan sebagaimana semalam**

**Satu (1)** daerah yang mencatatkan kes baharu sebagaimana semalam (03 Julai 2021) iaitu:

- Papar enam (6) kes

**c. Daerah yang mencatatkan penurunan kes**

**Sebelas (11)** daerah yang mencatatkan penurunan kes berbanding semalam (03 Julai 2021) iaitu:

- Tawau 18 kes, penurunan (-94) kes
- Kudat dua (2) kes, penurunan (-32) kes
- Pitas satu (1) kes, penurunan (-11) kes
- Sandakan sembilan (9) kes, penurunan (-10) kes
- Beaufort 24 kes, penurunan (-10) kes
- Penampang sifar (0) kes, penurunan (-3) kes
- Keningau satu (1) kes, penurunan (-3) kes
- Lahad Datu sifar (0) kes, penurunan (-2) kes
- Semporna dua (2) kes, penurunan (-2) kes
- Kota Marudu dua (2) kes, penurunan (-1) kes
- Tuaran sifar (0) kes, penurunan (1-) kes

**d. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes**

**Tiga belas (13)** daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Beluran
- Telupid
- Kinabatangan
- Lahad Datu
- Tongod
- Ranau
- Tuaran
- Penampang
- Kuala Penyu
- Sipitang
- Tenom
- Nabawan
- Tambunan

- iii. Setakat ini, Daerah Zon Hijau hanya tinggal satu (1), dan dengan jumlah catatan sebanyak (84) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.
- iv. Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Bahtera Barat - Kota Kinabalu** melibatkan penularan jangkitan di tempat kerja iaitu di pelantar cari gali minyak Sapura Pelantar Erb West. Kes indeks bagi kluster ini merupakan lelaki, 31, kakitangan di pelantar berkenaan. Dia tidak menunjukkan sebarang gejala namun disahkan positif dalam saringan prosedur *sign off* kapal pada 08 Jun 2021 ketika menjalani kuarantin wajib di salah sebuah hotel di Bandaraya Kota Kinabalu. Pasukan kawalan yang menjalankan aktiviti pengesanan kontak dan saringan secara bersasar di lokaliti terbabit mengenalpasti syarikat tersebut mempunyai 162 kakitangan. Daripada 301 sampel yang diambil termasuk sampel ulangan, 17 sampel didapati positif termasuk lima (5) kes baharu yang direkodkan pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak 18 kes. Sementara baki 283 sampel lagi negatif.

7 Jumlah kapasiti katil 4,108 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,072 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 330 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 43.06%.

## **B PUNCA PENINGKATAN KES COVID-19 KOTA KINABALU**

Sebanyak 120 kes positif COVID-19 di Kota Kinabalu hari ini berpunca daripada Saringan Kluster baharu iaitu Kluster Bahtera Barat lima (5) kes yang sehingga kini mencatatkan kumulatif (18) kes, Saringan Kontak Rapat (18) kes, Saringan Bersasar (92) kes (iaitu hasil Saringan Bersasar secara besar-besaran di Pulau Gaya iaitu Kampung Pondo (30) kes dan Kampung Laban Pulau Gaya (62) kes), Saringan Bergejala empat (4) kes dan satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes.

## **C PKPD KAMPUNG JAMBATAN BARU, MEMBAKUT, BEAUFORT**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Kampung Jambatan Baru, Membakut, Beaufort.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 20 ujian saringan dan 17 daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 85.00%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Jambatan Baru, Membakut, Beaufort berkuat kuasa 06 Julai sehingga 19 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

## **D PKPD BLOK 6, KAMPUNG TITINGAN, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini kes COVID-19 di Blok 6, Kampung Titingan, Tawau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 17 ujian saringan dan sembilan (9) daripadanya dilaporkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 52.94%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Blok 6, Kampung Titingan, Tawau berkuat kuasa 06 Julai sehingga 19 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **E PELANJUTAN PKPD KAMPUNG JAYA BARU, KUNAK**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Jaya Baru, Kunak yang dijadualkan tamat pada 05 Julai 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 529 ujian saringan dan 46 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Jaya Baru, Kunak bermula 06 Julai sehingga 19 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **F PELANJUTAN PKPD KAMPUNG SERUDUNG BARU, TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Serudung Baru, Tawau yang dijadualkan tamat pada 05 Julai 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 186 ujian saringan dan 65 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan **Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Serudung Baru, Tawau bermula 06 Julai sehingga 19 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **G PENAMATAN PKPD LADANG BRUMAS, KALABAKAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Brumas, Kalabakan yang dijadualkan tamat pada 05 Julai 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 201 ujian saringan dan 38 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Ladang Brumas, Kalabakan pada 05 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**



## **H PENAMATAN PKPD KAMPUNG PULUTAN, NABAWAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pulutan, Nabawan yang dijadualkan tamat pada 05 Julai 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 321 ujian saringan dan 25 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pulutan, Nabawan pada 05 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **I PENAMATAN PKPD TAMAN WIJAYA PARK, KOTA KINABALU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wijaya Park, Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 05 Julai 2021.
- 2 KKM telah melakukan 363 ujian saringan dan 12 daripadanya disahkan positif COVID-19. Pada masa sama, berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Taman Wijaya Park, Kota Kinabalu pada 05 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## **J STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 63,056 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 56,190 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **1,873** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 330,628 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **10,390** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 163,809 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 3,951 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 903,972 (mysejahtera 827,000 : laman web 76,679 : talian vaksinasi 293) bersamaan 32.7%.

## **K BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **292,708** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **L LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 130 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 63,918 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 248 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 51 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 18 orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
  - Dua (2) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Tujuh (7) orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Dua (2) Orang : Pergerakan Keluar Masuk Kawasan PKPD
  - Satu (1) Orang : Pengangkutan Awam Beroperasi Tidak Mengikut Waktu Syarat Lesen Dan Kapasiti
  - Empat (4) Orang : Individu Gagal Membuat Imbasan Suhu Badan
  - Satu (1) Orang : Majikan Gagal Memastikan Pekerja Asing Menjalankan Ujian Saringan Covid-19
  - 10 Orang : Gagal Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Enam (6) Orang : Tiada Penjarakan Sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 87 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 30 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat, satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Akta 342 Ordinan Darurat Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan 2021)

- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,601 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii Sebanyak 23 notis/amaran dikeluarkan iaitu 15 di Telupid, enam (6) di Penampang, satu (1) di Kinabatangan dan satu (1) di Sandakan.
  - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 59 premis perniagaan dan 456 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan kepada individu di Unimekar Industri dan Tiong Nam Logistic, KKIP kerana gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis. Seramai 10 anggota terlibat dengan tugas-tugas khas menghantar Bantuan Bakul Makanan bagi kawasan PKPD Pondo Pulau Gaya.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 253 Premis Perniagaan melibatkan 151 anggota APM. Sebanyak 25 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 70 anggota di 101 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan empat (4) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 262 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 131 hebahan di seluruh Sabah.

**M KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tenom	96.5%
2	Kunak	96.5%
3	Semporna	96%
4	Keningau	96%
5	Beluran	96%
6	Sipitang	96%
7	Kota Marudu	96%
8	Beaufort	96%
9	Papar	96%
10	Ranau	96%
11	Sandakan	96%
12	Tuaran	95.5%
13	Penampang	95.5%
14	Kota Kinabalu	95.5%
15	Lahad Datu	95.5%
16	Kudat	95.5%
17	Tawau	95.5%
18	Kota Belud	95.5%
19	Kinabatangan	95.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**